

07 FEB 2001

Shukor-Guru

GURU PERLU BERDEDIKASI DAN PROFESIONAL, KATA SHUKOR

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Profesionalisme dan dedikasi di kalangan guru merupakan antara faktor penting untuk memastikan sistem pendidikan negara mencapai kualiti pendidikan yang baik mengikut perkembangan semasa.

Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Seri Dr Abdul Shukor Abdullah berkata pendidikan merupakan satu kepentingan awam dengan semangat profesionalisme dan semangat untuk berbakti kepada rakyat perlu dipupuk di kalangan guru muda.

"Saya harap guru-guru dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab... kalau kita gagal dalam bilik darjah bermakna kita akan gagal segala-galanya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas Ketua Pengarah Pendidikan di sini, hari ini.

Hari ini merupakan hari terakhir beliau menyandang jawatan itu, yang akan diisi oleh timbalannya Abdul Rafie Mahat mulai esok.

Shukor, yang menyandang jawatan Ketua Pengarah Pendidikan selama dua tahun, berkata sepanjang perkhidmatannya banyak cabaran yang dihadapi.

Katanya cabaran yang paling besar baginya ialah menggerakkan sistem pendidikan mengikut keperluan abad ke-21 dengan pelbagai ilmu baru berdasarkan kehendak rakyat dan peredaran masa.

"Sebagai ketua perkhidmatan, banyak perkara perlu dititikberatkan, contohnya kebajikan guru dan peningkatan ilmu guru sangat penting kerana ilmu berubah dan pendekatan juga berubah," katanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir, yang menyaksikan upacara itu, berkata Shukor merupakan contoh yang baik kepada guru-guru muda.

"Datuk Seri akan menjadi inspirasi kepada pendidik-pendidik muda bukan dari segi pangkat dan jawatan tetapi kerana beliau adalah seorang yang paling taat kepada dunia pendidikan," katanya.

-- BERNAMA

MUN AHH NAK